

26/04/1997

Negara Islam perlu kukuh kekuatan

PETALING JAYA, Jumaat - Negara-negara Islam perlu mengukuhkan kekuatan masing-masing bagi mempertahankan diri dalam menghadapi imperialisme ekonomi Barat menerusi proses globalisasi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri mengakui, proses globalisasi Barat bertujuan memecahkan segala benteng negara sejagat bagi membolehkan mereka menceroboh sempadan yang ada untuk mengembalikan semula imperialisme ekonomi.

Sehubungan itu, katanya, umat Islam mesti kuat supaya dapat merebut kesempatan daripada pemecahan benteng dan sempadan negara yang sedang dan akan dilaksanakan menerusi proses globalisasi.

"Tetapi ramai antara kita tidak faham dengan apa yang sedang dibuat (oleh kerajaan) untuk membentuk imperialisme dalam bentuk lain," katanya menjawab soalan Bendahari Pas, Mustafa Ali, dalam sesi dialog di Simposium Antarabangsa Mengenai Dunia Islam dan Kerjasama Sejagat anjuran bersama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Pusat Kajian Islam Oxford di sini, hari ini.

Dr Mahathir bagaimanapun menjelaskan, umat Islam tidak perlu membentuk empayar Islam seperti zaman silam yang akan mewujudkan imperialisme Islam.

"Kita tidak perlu kepada imperialisme ... yang diperlukan ialah semua negara Islam telah cukup kuat dan dapat mempertahankan diri serta dapat merebut kesempatan daripada pemecahan segala benteng itu," katanya.

Mustafa turut meminta Perdana Menteri menjelaskan kenyataan dalam ucapannya bahawa abad ke-21 tidak relevan dengan umat Islam. Dalam hubungan ini, Dr Mahathir menjelaskan beliau bukan tidak yakin bahawa Islam akan menguasai abad akan datang.

"Bagaimanapun, dari segi masa, abad ke-21 itu adalah abad dalam perkiraan Masihi, lalu ia tidak relevan dengan Islam. Hakikatnya, dunia akan menempuh abad ke-21 dan beberapa perkara akan berlaku.

"Sama ada kita suka atau tidak kita akan terbabit. Saya percaya kita ada keupayaan, soalnya sama ada kita boleh gerak orang Islam supaya menghadapi cabaran yang akan datang pada abad ke-21 atau tidak.

"Kemampuan, yang saya sentuh ialah kemampuan. Allah tidak menjadikan orang Islam itu orang yang lemah, bodoh dan tongong. Tidak. Mereka manusia biasa tetapi kalau manusia biasa pun, kalau dia tak nak buat sesuatu ia tidak akan menjadi.

"Kalau orang yang sekuat Hercules pun kalau dia tidak hendak angkat batu, batu tu tak naik juga," katanya.

Dr Mahathir berkata, apa yang boleh dilakukan sekarang ialah meyakinkan orang Islam bahawa mereka boleh dan mereka harus mencuba.

"Kita mungkin takkan berjaya kali pertama, kedua atau ketiga tetapi kalau dibuat bersungguh-sungguh, kita boleh berjaya. Sebab itulah di Malaysia, kita menggunakan slogan 'Kita Boleh', orang Melayu boleh. Kesannya ialah perkara yang dulunya kita tak boleh buat, kita boleh buat.

"Jadi, kita berpendapat bahawa orang Islam harus mempunyai pendirian bahawa mereka boleh dan mereka harus cuba," katanya.

(END)